



**100 TAHUN GERAKAN KOPERASI  
MEMBANGUN KELUARGA MALAYSIA**

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

Oleh:

**YBHG. DATUK WIRA (DR.) ROSLI MAT HASSAN  
PENGERUSI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM TURUN PADANG KE ARAH  
MEMASYARAKATKAN KOPERASI (MasKop) 2022  
STESEN IPOH DAN BICARA ILMU : “MENTRANSFORMASI  
PENGURUSAN KOPERASI MELALUI DIGITALISASI”**

**16 MAC 2022 (RABU)**

**12.00 TENGAH HARI**

**HOTEL CASUARINA@MERU, IPOH**

### **ANJURAN**

**ZON TENGAH & PUSAT ICT, IKMa**

Terima kasih saudara pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh,

Salam Sejahtera

**Yang Berbahagia Datuk Mohd Ali Mansor**

Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

**Yang Dihormati Puan Juliza Jaafar**

Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Koperasi Dan Organisasi  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Perak

**Yang Berbahagia Haji Mohd Rosli Haji Basri**

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Perak

**Yang Berusaha Encik Zulkiflee Aspan**

Pengarah IKMa Zon Tengah

**Yang Berusaha Puan Azlifah Abas**

Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi IKMa

Pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan/Agensi kerajaan, ANGKASA, Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan hidayahNya kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis perasmian “Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop)” pada hari ini secara bersemuka dengan pematuhan kepada SOP.

2. Saya juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IKMa Zon Tengah yang sudi menjemput saya sebagai perasmi dalam program ini.
3. Saya juga difahamkan peserta yang hadir pada hari ini merupakan penggerak koperasi yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan koperator dari Ipoh dan kawasan sekitarnya. Syabas dan terima kasih kepada semua yang hadir pada program kali ini. Semoga kehadiran dan usaha murni kita ini mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Para hadirin yang saya hormati,

### **Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi**

4. Program Turun Padang Ke arah Memasyarakatkan Koperasi (Maskop) pada tahun ini merupakan inisiatif IKMa diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi komuniti dan negara.
5. Selain itu program ini dapat mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh MEDAC, IKMa dan Agensi kepada gerakan koperasi juga orang awam. Pendekatan yang diambil pada tahun ini adalah melalui turun padang dan berjumpa dengan kumpulan sasar melalui program yang dirancang.

6. Di samping itu objektif utama program ini adalah untuk memberi informasi kepada koperasi dalam merebut peluang tahun 2022 dalam aspek latihan, perniagaan dan ekonomi serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan oleh agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dalam menjayakan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM).

Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

**Dasar Keusahawanan Nasional (2030) dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM)**

7. Kita sedia maklum pihak kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC) telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 atau DKN 2030. Ia merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah “negara keusahawanan (entrepreneurial nation) yang unggul menjelang 2030” serta pembentukan masyarakat Malaysia yang berpemikiran keusahawanan. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara bersatu, makmur dan terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.
8. Malahan bidang keusahawanan juga mampu meningkatkan ekonomi dan daya saing negara, individu dan koperasi. Sektor koperasi

merupakan platform terbaik untuk meningkatkan tahap pendapatan dan sosioekonomi masyarakat. Sejalan dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 tersebut, perancangan hala tuju baharu telah pun dirangka melalui Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM). Pelan jangka masa lima tahun kementerian ini antara langkah inisiatif yang akan dilaksanakan oleh MEDAC melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi memperkasakan gerakan koperasi.

9. Berdasarkan kepada tujahan yang ke-3 dalam TransKoM 2021-2025, IKMa diberi amanah untuk menjalankan pendidikan dan latihan koperasi di Negara ini bermula pada tahun 1956. IKMa berperanan dalam mengendalikan latihan dan pendidikan, melaksanakan khidmat nasihat dan konsultasi, menjalankan penyelidikan berimpak dalam gerakan koperasi, menerbitkan bahan bercetak berkaitan koperasi, serta memberi cadangan dan pandangan berkaitan latihan koperasi kepada YB Menteri.
10. Berdasarkan kepada fungsi di bawah Akta Pemerbadanan IKM 1968 ini, IKMa terus memberi fokus kepada pembangunan modal insan koperasi dengan memperkenalkan program jangka pendek dan program jangka panjang melibatkan kursus antara 1 hari hingga 15 hari kepada anggota koperasi serta program Diploma kepada anak-anak anggota koperasi melalui anak syarikat MKMGH Edu.

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

## **Statistik Gerakan Koperasi Terkini & Bantuan Kerajaan Kesan Pandemik kepada Koperasi**

11. Saya turut rasa berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh gerakan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi Negara secara inklusif. Menurut statistik rasmi SKM pada tahun 2020, terdapat 14,629 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 6,512,513 juta orang. Pencapaian perolehan sektor koperasi pula sebanyak RM41,465.83 juta. Melihat kepada statistik tersebut koperasi mampu dilihat sebagai penyumbang ekonomi yang ketiga selepas sektor awam dan swasta.

## **100 Tahun Gerakan Koperasi & Pembangunan Modal Insan Koperasi**

12. Koperasi telah diwujudkan seawal tahun 1922, ini bermakna penubuhan koperasi telah bertapak selama 100 tahun di Malaysia. Kedudukan koperasi di negara ini masih relevan sebagai badan yang fungsinya seiring dengan peredaran zaman. Memang ini sesuatu yang membanggakan dan telah tiba masa untuk satu perubahan/penambahbaikan diadakan supaya sektor ini kekal efektif dalam suasana ekonomi yang sangat mencabar dan tidak menentu.
13. Koperasi mempunyai mandat yang besar – kerajaan mahu koperasi menjadi *growth engine* yang penting menyumbang kepada KDNK negara dan di MEDAC kami mahu gerakan ini lebih aktif dalam usaha

memperkasakan kedudukan ekonomi golongan Melayu dan Bumiputera.

14. Harapan kerajaan kepada gerakan koperasi ini adalah besar. Sasaran pada tahun 2030, gerakan koperasi akan menyumbang RM100 billion kepada KDNK negara, berbanding sumbangan pada waktu ini yang berjumlah RM43 billion.
15. Untuk makluman semua, pihak Kementerian telah melancarkan majlis sambutan 100 Tahun Koperasi pada 12 Februari 2022 yang lalu bertemakan '100 Tahun Gerakan Koperasi, Membangun Keluarga Malaysia'. Manakala, \_\_sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK) akan disambut pada bulan Julai setiap tahun bermula tahun ini.
16. Pada majlis pelancaran tersebut, YB Menteri Tan Sri Noh Omar memaklumkan Aspirasi Koperasi Malaysia diwujudkan untuk menggariskan peranan dan tanggungjawab SKM, IKMa dan Angkasa dengan lebih jelas bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi. Ini seterusnya memastikan penggunaan sumber secara optimum supaya dapat memberi impak yang lebih signifikan kepada gerakan koperasi dan kumpulan sasar khususnya masyarakat.
17. Secara keseluruhannya, selaras dengan perkembangan satu abad gerakan koperasi ini juga, anjakan paradigma dalam koperasi, pemantapan kepimpinan dan pengurusan koperasi perlu diperhebatkan.

Hadirin yang saya hormati

**Memperkasa Peranan IKMa, Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (CLDP) & Program Program Pensijilan IKMa – IPT**

18. Sepertimana kita sedia maklum, IKMa telah melaksanakan program latihan, pendidikan dan bimbingan kepada gerakan koperasi. Sudah semestinya paradigma IKM sebagai institusi latihan perlu di perkasa dengan perkembangan latihan dan pendidikan masa kini mengikut dasar yang dilaksanakan oleh pihak pemegang taruh juga mengambil kira situasi persekitaran semasa sangat mencabar.
19. Justeru, bagi memperkasakan lagi barisan pentadbiran koperasi, IKMa memperkenalkan Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (CLDP). Melalui program CLDP ini, Anggota Lembaga akan diberi pendedahan dan kefahaman berkaitan dengan pengurusan & pentadbiran koperasi, pengurusan kewangan, pengurusan strategik, tatacara pengauditan & perakaunan koperasi, kepimpinan, pengurusan projek, pengurusan organisasi dan pengurusan pekerja. Kesemua ilmu ini diharap dapat membantu barisan kepimpinan koperasi dalam mengurus tadbir sesuatu koperasi.
20. IKMa juga memperkenalkan program kepada belia pelapis koperasi yang berada di universiti melalui Program Graduan Berkoperasi (G2K). Dalam program ini, generasi muda yang merupakan 'wajah



negara' pada masa hadapan ini akan diberi nilai tambah melalui program sijil yang ditawarkan oleh IKMa.

21. Sehubungan itu, satu program rintis telah dirangka oleh IKMa bersama Pusat Ko Kurikulum UPM melibatkan 24 orang telah pelajar terpilih dalam memberi nilai tambah kepada bakal graduan UPM, khususnya Fakulti Ekologi Manusia dan sebagai persediaan bakal graduan ini untuk menyambut peluang yang ditawarkan dalam sektor koperasi dan berada dalam pengurusan sesebuah koperasi.

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

### **Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM)**

22. IKMa komited dalam melahirkan barisan kepimpinan dan pengurusan koperasi yang kompeten, profesional serta berwibawa dalam tempoh jangka panjang. Bagi merealisasikan hasrat murni dalam membangunkan modal insan koperasi yang kompeten IKMa telah pun mendapat kelulusan penubuhan daripada KPT untuk menubuhkan UKKM ini.
23. Menjadi harapan saya agar penubuhan UKKM ini akan menjadi peneraju dan pemangkin pembangunan modal insan intelek dan profesional dengan memiliki pengetahuan yang komprehensif bidang keusahawanan koperasi. Universiti ini bakal menjadi mercu kejayaan koperasi apabila lebih ramai tenaga profesional dalam bidang

keusahawanan koperasi dilahirkan kelak. Tenaga tenaga muda ini akan menjadi tulang belakang penting menghasilkan sumbangan koperasi kepada KDNK negara pada masa hadapan.

24. Saya juga berharap agar IKMa menjadi sebuah institusi pendidikan dan latihan koperasi unggul dalam gerakan koperasi dan peranannya akan terus relevan membangunkan modal insan koperasi dalam pembangunan Negara.

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

### **Penutup**

25. Pada majlis yang sangat bermakna ini, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada IKMa khususnya Zon Tengah, Pusat ICT dan warga kerjanya kerana mengambil inisiatif menzahirkan komitmen melalui program seumpamanya hari ini dan menunjukkan sokongan padu terhadap semua usaha yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program pada kali ini.
26. Dengan lafaz Bismilahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan rasminya **program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) bagi Stesen Ipoh dan Bicara Ilmu : “Mentransformasi Pengurusan Koperasi Melalui Digitalisasi”**.

Sekian. Terima kasih. Wabillahitaufik Wal Hidayah, Wasalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.